

## CENDEKIAWAN

# Cabaran graduan TVET



Oleh DZUHALMI DAHALAN

dzuhailmi@upm.edu.my

**K**EBERGANTUNGAN graduan institusi pengajian tinggi (IPT) terhadap peluang pasaran kerja sememangnya bukan satu isu baru di Malaysia.

Tekanan dalam pasaran buruh sedia ada dikatakan berlaku apabila pertumbuhan struktur guna tenaga perlahan dan tidak mampu untuk menampung bilangan graduan yang semakin meningkat saban tahun.

Revolusi Perindustrian Ke-4 (Industri 4.0) turut mewujudkan kesan berganda apabila penekanan *Internet of Things* (IoT) atau pembinaan teknologi realiti maya sedikit demi sedikit mengambil alih intensif buruh dalam pasaran kerja.


Cabaran sektor pendidikan tinggi negara dilihat cukup mencabar di masa-masa akan datang apabila IPT dilihat berperanan untuk menghasilkan modal insan bagi mengisi guna tenaga dalam sektor pembangunan negara di masa hadapan.

Bagi mendepani cabaran ini, tidak dapat tidak, tumpuan sektor pendidikan tinggi negara pada masa ini perlu lebih berlitzam untuk melahirkan sebanyak mungkin penjana pekerjaan atau *job creator* dalam pelbagai bidang keusahawanan melalui graduan yang dihasilkan.

Ini kerana rekod Kementerian Pendidikan pada tahun 2016 menunjukkan bilangan graduan IPT yang menceburia bidang keusahawanan sebaik sahaja menamatkan pengajian menunjukkan peratusan yang sangat kecil iaitu sekitar dua peratus sahaja daripada jumlah mereka yang bergraduan setiap tahun.

Dalam konteks penubuhan Jawatankuasa Pemerkaan Pendidikan dan Latihan Teknikal & Vokasional Malaysia (TVET) yang diumumkan Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik sekitar bulan Jun 2018 adalah diharapkan supaya kerajaan bukan sahaja dapat memperkasa, menaik taraf dan menyelaras pengiktirafan aliran TVET yang diterajui oleh pelbagai kementerian dan agensi itu sendiri.

Malah, sebaiknya mampu mengetengahkan formula terbaik ke arah menyediakan graduan TVET di Malaysia sebagai penjana



MASYARAKAT masih ternanti-nanti impak positif berkaitan hala tuju pendidikan TVET di Malaysia. — Gambar hiasan

pekerjaan yang utama dalam pasaran buruh negara pada masa hadapan.

Kenyataan media Kementerian Pendidikan sebelum ini berhubung data kebolehpasaran graduan IPT 2016 menunjukkan terdapat peningkatan kebolehpasaran yang memberangsangkan bagi graduan TVET di Malaysia.

### Tahap sederhana

Universiti-universiti Teknikal Malaysia (MTUN) menunjukkan kebolehpasaran graduan pada tahap 87.1 peratus, politeknik (88.6 peratus) dan Kolej Komuniti (97.2 peratus). Walaupun peratusan kebolehpasaran ini dilihat positif, hakikatnya data ini terus menyumbang kepada pencapaian negara yang rendah dari sudut hasrat menjadi usahawan atau *entrepreneurial intention* dalam kalangan graduan IPT.

Berdasarkan Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2016-2020, polisi kerajaan menyasarkan 100 peratus pelajar IPT mendapat pendedahan kepada nilai dan atribut keusahawanan menjelang tahun 2020 di bawah Strategi Membangunkan Kurikulum Holistik dan Bersepadan melalui Inisiatif: Melaksanakan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEP) dengan menerapkan elemen keusahawanan merentasi kurikulum dan bidang pengajian.

Sementara menerusi Inisiatif: Melaksanakan Rangka Kerja

Penjana Pekerjaan ataupun *Job Creator Framework*, yang terletak di bawah Strategi Mengukuhkan Sistem Sokongan Pembelajaran, kerajaan sebelum ini menyasarkan lima peratus daripada jumlah pelajar IPT yang bergraduan bekerja sendiri atau menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan menjelang tahun 2020.

Kajian penulis dan rakan-rakan sekitar bulan Mac 2018 melibatkan sampel pelajar TVET di bawah agensi pelaksana awam terpilih di seluruh negara mendapati kesediaan pelajar TVET untuk menceburia bidang keusahawanan masih di tahap sederhana.

Kajian ini turut mengesahkan kajian lampau mengenai tahap kebergantungan yang tinggi graduan IPT negara terhadap peluang pasaran kerja sedia ada.

### Aktiviti usaha niaga

Jadi, usaha untuk melahirkan sebanyak mungkin *job creator* terutama menerusi graduan TVET dilihat berpotensi pada masa hadapan untuk mengurangkan tekanan ke atas pasaran buruh, menurunkan kadar pengangguran graduan serta merancakkan pertumbuhan ekonomi negara.

Salah satu cara bagi merealisasikan impian ini adalah dengan memberi peluang kepada pelajar TVET untuk menjalankan aktiviti usaha niaga ketika mereka sedang mengikuti pengajian.

Kajian penulis menunjukkan

pelajar TVET yang menjalankan aktiviti perniagaan semasa belajar mempunyai kesediaan yang lebih tinggi untuk menceburia bidang keusahawanan berbanding mereka yang tidak menjalankan sebarang aktiviti perniagaan.

Ini kerana profil peringkat pengajian semata-mata bukan dilihat sebagai faktor yang memberi impak kepada peningkatan kesediaan pelajar menceburia bidang keusahawanan.

Ia disebabkan kajian yang dijalankan mendapat, tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar di peringkat pengajian sijil mahupun diploma di dalam memacu kesediaan mereka menceburia bidang keusahawanan.

Penulis percaya masyarakat masih ternanti-nanti apakah impak positif berkaitan hala tuju pendidikan TVET di Malaysia susulan penubuhan jawatankuasa berkenaan yang telah diumumkan sebelum ini.

Pada hemat penulis, penubuhan jawatankuasa ini bukan sahaja diharapkan dapat mencari jalan penyelesaian mengenai kemelut akreditasi atau pengiktirafan graduan TVET itu sendiri serta memenuhi cabaran Revolusi Industri 4.0.